

15/11/1997

Tasik Bukit Merah muncul pusat pelancongan

PEMBANGUNAN Bandar Tasik Bukit Merah mampu muncul sebagai kompleks hartanah dan pusat pelancongan utama negara selain membawa pelbagai faedah sampingan positif kepada rakyat tempatan.

Pengerusi Eksekutif Kumpulan Emkay, Datuk Mustapha Kamal Abu Bakar, berkata konsep pembangunan Bandar Tasik Bukit Merah ialah menjadikan keindahan alam semula jadi, hutan dan hidupan di sekitarnya sebagai aset utama.

Projek itu turut mewujudkan kemudahan untuk pelancong seperti taman tema air, marina, hotel, banglo, apartmen serta kemudahan rekreasi.

"Malah Kumpulan Emkay mahu meningkatkan pendapatan penduduk tempatan serta memberi mereka peluang pekerjaan dengan pendapatan yang lumayan.

"Penduduk tempatan yang dulunya petani dan nelayan di Tasik Bukit Merah berpeluang mendapat pekerjaan di Bandar Tasik Bukit Merah termasuk menjadi pemandu pelancong.

"Malah untuk fasa pertama Bandar Tasik Bukit Merah, kami mampu mewujudkan kira-kira 400 peluang pekerjaan untuk penduduk tempatan," katanya kepada pemberita selepas perasmian projek itu oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Bukit Merah, dekat Taiping, petang kelmarin.

Mustapha Kamal berkata, Bandar Tasik Bukit Merah berjaya dibangunkan dengan pelbagai kemudahan termasuk rekreasi termasuk hotel.

Beliau juga memberi jaminan, bekalan air penduduk daerah Kerian dan Taiping dari tasik itu tidak terjejas atau tercemar kerana projek itu mempunyai sistem pembedungan yang termoden.

"Malah, kualiti air tasik sentiasa diselia oleh Jabatan Pengairan dan Saliran seta Jabatan Alam Sekitar sepanjang masa dan ujian dijalankan sebulan sekali," katanya.

Menurutnya, pembangunan Bandar Tasik Bukit Merah mengandungi empat fasa dengan kos keseluruhan RM3 bilion dan dijangka siap keseluruhan dalam tempoh 20 tahun.

(END)